

PERANAN WANITA DALAM INSTITUSI KEKELUARGAAN: PERBINCANGAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

(Woman's Role in the Family Institution: Discussions from Islamic Perspective)

Siti Nur Husna Abd Rahman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Muhammad Adnan
Pitchan

ABSTRAK

Wanita ialah makhluk yang lembut dan penyayang kerana perasaannya yang halus. Wanita yang diibaratkan seperti tulang rusuk yang bengkok itu bukan bermakna satu kekurangan, tapi sebenarnya adalah satu penyempurnaan. Wanita berperanan penting dalam mencorak masa depan negara. Wanita juga mempunyai tanggungjawab yang besar dalam pembentukan dan pembangunan keluarga dan masyarakat Islam. Oleh itu, tanggapan negatif terhadap wanita perlu dikikis. Walau bagaimanapun, untuk menjadi seorang wanita yang sempurna di sisi Islam, wanita perlulah dipimpin oleh lelaki kerana itulah kelebihan yang Allah sudah kurniakan kepada kaum lelaki sepertimana kelebihan sifat penyayang itu dikurniakan kepada wanita. Secara umumnya, kertas ini membincangkan mengenai pemahaman tentang peranan wanita dalam institusi kekeluargaan menurut perspektif Islam. Selain itu, kertas ini juga menjelaskan peranan wanita dalam institusi kekeluargaan. Hasil perbincangan ini dapat membantu menambahkan lagi pemahaman dan menimbulkan kesedaran setiap wanita tentang peranan yang perlu dilakukan dalam institusi kekeluargaan mengikut acuan dan saranan oleh agama Islam, dengan itu wanita dapat memperbaiki setiap kekurangan yang terdapat dalam diri setiap individu.

Kata Kunci: Wanita, institusi kekeluargaan, perspektif Islam, tanggungjawab, kesedaran

ABSTRACT

Women are gentle and loving creatures because of their subtle feelings. Women which symbolised like a crooked ribs do not mean a weaknesses, but is actually a complementing. Women play an important role in shaping the future of the country. Women also have a great responsibility in the formation and development of families and Muslim societies. Therefore, negative responses to women need to be. However, to be a perfect woman in Islam, women should be led by men because that is the advantage that Allah has bestowed upon men as the privilege of caring is bestowed upon women. In general, this paper discusses the understanding of the role of women in a family institution in the Islamic perspective. In addition, this paper also explains the role of women in a family institution. The outcome of this discussion can help further enhance understanding and create awareness of every woman about the role that should be done in

the family institution in accordance with the guidelines and recommendations of the Islamic religion, thus the woman can improve every weaknesses inherent in each individual.

Keywords: Women, family institution, Islamic perspective, responsibility, awareness

PENGENALAN

Islam telah memerintahkan supaya wanita dimuliakan baik sebagai ibu, isteri ataupun anak perempuan. Secara umumnya wanita memang tidak kelihatan menonjol sebagai pemimpin masyarakat sama ada dalam urusan politik, ekonomi, keagamaan atau lain-lain lagi (Abdul Aziz Ismail, 1995). Namun, itu tidak membuktikan bahawa wanita tidak berperanan dan antara manusia yang mendapat rahmat daripada kelahiran Islam ialah wanita. Wanita juga didefinisikan sebagai seorang isteri, kaum ibu ataupun anak perempuan tidak kira mereka bersifat lemah lembut ataupun tidak juga tidak kira sama ada cantik rupa parasnya atau tidak. Wanita pada zaman dahulu seperti yang digambarkan di dalam al-Quran, Surah An-Nahl 16: ayat 58-59 yang membawa maksud :

Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa dia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang dia menahan perasaan marahnya dalam hati.

Dia bersembunyi dari orang ramai kerana (merasa malu disebabkan) berita buruk yang disampaikan kepadanya (tentang dia beroleh anak perempuan; sambil dia berfikir): Adakah dia akan memelihara anak itu dalam keadaan yang hina atau dia akan menanamnya hidup-hidup dalam tanah? Ketahuilah! Sungguh jahat apa yang mereka hukuman itu.

Hal yang demikian adalah sebelum datangnya Islam (Mustafa Sibai, 1988). Ketika itu perempuan belum memperoleh kedudukan yang layak dalam masyarakat. Justeru itu, wanita memainkan peranan yang sangat besar, terutamanya dalam sesebuah organisasi kekeluargaan itu. Seperti mana yang disebutkan di dalam hadis :

“ Isteri itu adalah pembimbing keluarga dalam rumah suaminya ”

Pada pandangan Sa'adiyah Hassan, Endang Erwani Md. Dom (1998) Islam datang membawa cahaya dan kesejahteraan kepada manusia. Manakala Noraziah Ali & Jawiah Dakir (2009) pula mengatakan bahawa seharusnya seseorang wanita memahami dan menghargai diri sendiri, maruah diri, sifat kewanitaan, keupayaan serta kemahiran. Di samping itu, terdapat juga mengetahui sejauh mana seseorang wanita itu mempunyai ilmu agama serta bagaimana seseorang wanita itu berperanan dalam institusi kekeluargaan. Menurut Aishah Yusoffea (2009) bagi wanita yang sudah berkeluarga, perlulah menyeimbangkan antara kerjaya dan keluarga. Bagi Mashitah (1999) secara tidak langsung, dengan pengurusan rumah tangga yang baik, seorang isteri telah bertindak sebagai penjana keluarga bahagia dan pembendung gejala sosial. Walau bagaimanapun, terdapat juga di dalam al-Quran peringatan supaya jangan mengutamakan kehidupan di

dunia, peringatan hari akhirat dan amaran balasan azab dan peringatan supaya wanita menjaga adab dalam rumah tangga (Bahagian Hal Ehwal Islam, 1993).

Menurut Ratna Roshida Abd. Razak (2007) menyatakan bahawa wanita tidak boleh terlalu ghairah terhadap kerjaya atau pekerjaan sehingga mengabaikan kebajikan sosial keluarga kerana perbuatan tersebut bercanggah dengan ajaran Islam. Berdasarkan kajian Maznah Daud (2003) yang meneliti isu-isu tentang wanita bekerjaya dalam menguruskan waktu dengan merujuk kepada kedudukan wanita dari perspektif Islam menunjukkan bahawa wanita bekerjaya merupakan aset kepada pembangunan umat dan negara. Akan tetapi jika wanita yang bekerjaya tidak mengendahkan peranannya terhadap keluarga maka sesebuah institusi kekeluargaan akan menghadapi masalah. Pada pendapat Bateriah Alias (2006) pula menjelaskan bahawa wanita yang kurang berpendidikan dan kurang ilmu pengetahuan akan melahirkan anak-anak yang jahil.

Berdasarkan perbincangan di atas mengenai peranan wanita dalam sesebuah institusi kekeluargaan maka menurut Ratna Roshida Abd. Razak (2007) wanita jangan terlalu ghairah terhadap kerjaya atau pekerjaan sehingga mengabaikan kebajikan sosial keluarga kerana itu bercanggah dengan ajaran Islam. Berdasarkan juga kajian Maznah Daud (2003) yang meneliti isu-isu tentang wanita bekerjaya dalam menguruskan waktu dengan merujuk kepada kedudukan wanita dari perspektif Islam. Kajian ini mengakui bahawa wanita bekerjaya merupakan aset kepada pembangunan umat dan negara. Akan tetapi jika wanita yang bekerjaya tidak mengendahkan peranannya terhadap keluarga maka sesebuah institusi kekeluargaan akan menghadapi masalah. Bateriah Alias (2006) pula menjelaskan bahawa wanita yang kurang berpendidikan dan kurang ilmu pengetahuan akan melahirkan anak-anak yang jahil.

WANITA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Wanita mempunyai pelbagai maksud. Islam memandang wanita sebagai makhluk duniawi dan mempunyai roh yang sama dengan lelaki tetapi berbeza keadaan fizikal daripada lelaki (Fatimah Muhammad Ali, 1966). Kamus Dewan (1993) mendefinisikan wanita dari segi bahasa ialah orang perempuan dan lawan lelaki. Manakala Norehan Ahmad Rahim (2008), wanita juga adalah kaum isteri, ibu atau puteri yang mempunyai sifat lemah lembut atas paras rupa cantik. Dalam bahasa Arab, perkataan wanita atau perempuan ialah al-‘untha, al-mar’ah, imra’atun dan al-nisa’. Menurut kamus al-Munjid, ‘untha ialah kata tunggal yang memberi katalawan kepada perkataan lelaki. Al-‘Untha adalah kata kerja ‘anutha yang bererti lembut dan tidak keras. Menurut Mu’jam al-Wasit (1978) Untha membawa maksud orang yang mengandung dan melahirkan dinamakan perempuan. Perkataan al-mar’ah dari segi bahasa ialah perempuan atau wanita atau isteri (Al-Jadid-Arab-Melayu, 1993).

Berdasarkan perbincangan tentang definisi wanita, kertas ini menggunakan definisi yang ditetapkan dalam Al-Jadid-Arab-Melayu (1993) iaitu daripada perkataan al-mar’ah yang bermaksud perempuan atau wanita atau isteri. Menyimpulkan definisi

wanita adalah seorang isteri, kaum ibu ataupun anak perempuan tidak kita mereka bersifat lemah lembut ataupun tidak dan tidak kira paras rupa cantik atau tidak. Menurut Musalmee Muda (2011) pula, ia melihat bahawa wanita ini berpotensi besar dalam menjadi usahawan yang berjaya. Ia berpandu kepada langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dalam mempersiapkan bakal usahawan wanita dalam menceburkan diri dalam program-program pembangunan usahawan KPWKM.

Siti Hasimah Bakeri (2011) pula mengatakan seseorang wanita yang berkerjaya dapat menyeimbangkan kerjaya dan rumah tangga dengan baik. Menurut kajian Dityasa Hanin Forddanta (2012), bagaimana pengaruh pendidikan wanita, lokasi waktu, dan pengalaman kerja wanita terhadap pendapatan wanita. Ia hanya tertumpu pada bagaimana seseorang wanita itu memberi pengaruh dalam pendapatannya sahaja.

PERANAN WANITA DALAM INSTITUSI KEKELUARGAAN

Wanita merupakan golongan yang memainkan peranan yang penting di dalam sesebuah struktur masyarakat. Peranan tersebut merujuk kepada melangkaui peringkat negara mahupun di peringkat unit terkecil di dalam sesebuah masyarakat iaitu institusi keluarga. Pengiktirafan ini dapat dilihat menerusi satu proses yang telah bermula sejak berabad-abad dahulu di mana terdapat kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang terdapatnya keperluan oleh golongan wanita dalam bersama-sama memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk bersama-sama golongan lelaki. Peranan seorang wanita di dalam keluarga dalam konteks hari ini, peranan golongan ini merupakan antara tunjang penting dalam memastikan keharmonian keluarga. Menurut Rahimah (2003), peranan ini boleh dilihat di hampir keseluruhan bentuk masyarakat dan budaya di mana antara peranan wanita dalam keluarga adalah menjaga keperluan suami, pengurusan isi rumah dan mendidik anak-anak. Peredaran masa dan zaman telah banyak merubah peranan wanita di dalam institusi kekeluargaan. Konteks modenisasi, urbanisasi dan globalisasi telah membawa banyak kepada perkembangan dan pengaruh di dalam masyarakat industri antara elemen penting yang membawa kepada perubahan landskap peranan wanita dalam keluarga.

Dalam membincangkan peranan wanita dalam institusi kekeluargaan, peranan wanita dalam rumahtangga telah berlaku perubahan seiring dengan zaman komodenan ini. Secara umum peranan wanita terutama isteri adalah berperanan menjaga hal-ehwal rumahtangga serta keluarga. Walau bagaimanapun peranan wanita bukanlah semata-mata untuk menjaga makan-minum, kesihatan dan keselesaan hidup anak-anak tetapi juga yang terpenting ialah untuk mendidik, mengasuh dan membimbing. Perkara ini adalah kerana ni didikan yang diberikan kepada anak-anak itu akan memberikan manfaat kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Menurut Suriati (2002), antara peranan wanita dalam institusi kekeluargaan adalah sebagai pengurus rumahtangga. Kerja mengurus rumahtangga adalah sinonim dengan wanita tidak kira sudah berkahwin ataupun belum. Oleh itu, apabila sudah berkahwin suami juga boleh

membantu kerja rumahtangga yang lazimnya dilakukan oleh isteri. Ini kerana, peranan wanita tidak hanya tertumpu hanya untuk mengurus rumahtangga sahaja.

Selain itu juga, wanita berperanan dalam memastikan kesihatan ahli keluarga. Ericson dan Gerstel (2002), juga bersetuju bahawa tanggungjawab menjaga ahli keluarga yang sakit, tidak berupaya dan uzur adalah terletak dibawah tanggungjawab wanita berbanding lelaki dalam sesuatu keluarga. Oleh disebabkan lahirnya zaman moden kini maka timbul cara hidup baru yang menyebabkan berlaku perubahan tertentu yang boleh meluaskan lagi peranan wanita di dalam Islam. Menurut Fatimah Abdullah (1985) wanita itu memainkan peranan yang besar dalam sesebuah keluarga dan juga turut memainkan peranan di alam pekerjaan. Kenyataan ini juga telah disokong oleh Seri Pangestri Dewi Murni (2007), pula menekankan peranan wanita dalam pembangunan ekonomi dan sosial. menariknya kajian ini adalah kerana dilakukan di Sumatera. Dengan ini, kita dapat melihat bagaimana wanita mempunyai peranan walau di mana kita berada. Meskipun wanita bebas melaksanakan peranannya akan tetapi menurut Ratna Roshida (2007) wanita yang berkeluarga itu memainkan peranan terutama dalam membentuk keluarga, masyarakat dan negara yang berlandaskan pendidikan agama Islam. Ini kerana, pendidikan agama Islam itu adalah merupakan asas dalam membangunkan umat dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara dalam menuju ke era pembangunan dan mencapai status negara maju. Manakala Colonius Atang, Dg Norizah Ag Kiflee @ Dzulkifli (2014) pula mengangkat martabat wanita. Ini adalah kerana dalam kebanyakan budaya masyarakat Asia meletakkan wanita sebagai pembantu atau penyokong lelaki yang dianggap lebih dominan.

Manakala menurut Nobaya Ahmad dan Haslinda Abdullah (2013) di mana mereka mendapati bahawa wanita kontemporari perlu mengimbangi pelbagai peranan pada suatu masa yang sama di mana peranan asas wanita kini adalah sebagai isteri, ibu dan juga pekerja. Tambahan pula, dalam kajian mereka yang dilakukan ke atas 150 orang wanita bekerja mendapati bahawa terdapat juga wanita yang perlu menanggung beban menjaga ibu dan bapa mereka di samping sebagai isteri, ibu dan pekerja. Senario ini juga mendapat perhatian oleh Noraini Mohd Noor (2006) menerusi kajian beliau di mana wanita kini menjadi penjaga utama di dalam keluarga dan tanggungjawab tersebut juga tiada batasan sehingga ke seluruh kitaran keluarga termasuklah penjagaan suami, anak dan ibu bapa dan dalam kes-kes tertentu wanita perlu menjaga adik-beradik serta saudara mara lain.

Wanita juga mempunyai tanggungjawab yang besar dalam pembentukan dan pembangunan keluarga dan masyarakat Islam. Tunjang kepada keharmonian keluarga adalah insan bernama wanita kerana peranan wanita itu sendiri yang bersifat dinamik iaitu boleh berperanan sebagai pengurus rumahtangga sehingga kepada penyumbang pendapatan keluarga. Tanggungjawab ini tidak sahaja dimainkan oleh wanita telah berkahwin tetapi juga menjadi sebahagian tanggungjawab dalam kalangan wanita yang belum berkahwin. Oleh itu wanita akan memikul dua beban kerja iaitu tanggungjawab kepada keluarga dan juga pekerjaan sama sebagai kerjaya mahupun kerja sambilan (Tan, 1992).

Dalam hal ini Faisal Mawlawi (2011), telah menyebut beberapa perkara yang boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada para wanita di luar sana bagi memastikan kerja-kerja yang berkaitan dapat disusun dengan baik tanpa mengganggu mana-mana aspek. Antara perkara tersebut adalah berkenaan dengan keutamaan bagi seorang wanita dalam gerak kerja rumahtangga. Beliau menegaskan wanita seharusnya dapat menyeimbangkan dan mengharmonikan tugas-tugasannya itu disamping menjaga dengan sebaik-baiknya kewajipan dalam rumahtangga jika berlaku pertembungan atau pertindihan dengan kewajipan-kewajipan lain. Mereka seharusnya dapat mengenal pasti keutamaan yang perlu diambil perhatian dalam menguruskan pekerjaan-pekerjaan yang dilakukan. Hal ini bagi mengelakkan berlaku beberapa perkara yang tidak diinginkan seterusnya memberi kesan kepada institusi kekeluargaan tersebut.

Peranan-peranan wanita menurut perspektif Islam dalam beberapa perkara. Antaranya ialah peranan wanita dalam proses pentarbiyahan masyarakat melalui institusi kekeluargaan. Dalam bahagian ini, kertas ini akan memfokuskan tanggungjawab ibu bapa sebagai 'role model' yang baik kepada anak-anak. Seterusnya, dalam bahagian ini akan membincangkan tentang peranan wanita dalam membina rumahtangga muslim seperti yang diimpikan oleh semua orang. Faisal Mawlawi (2011) menyatakan pembinaan rumahtangga muslim telah menuntut wanita untuk meluangkan masanya lebih banyak dirumah bersama-sama keluarga bagi menguruska hal-hal yang berkaitan rumahtangga dan keperluan suami serta anak-anak. Oleh yang demikian, terdapat beberapa peranan wanita yang dihasilkan berdasarkan kajian yang dibuat. Terdapat 11 peranan wanita yang perlu diketahui di dalam institusi kekeluargaan iaitu:

a) Peranan wanita sebagai makhluk ciptaan Allah SWT

Dalam membuat pengimbangan antara melaksanakan perintah Allah SWT dan urusan rumah tangga wanita mestilah benar-benar mengetahui takat kemampuan maksimum yang boleh atau mampu melaksanakan perintah Allah SWT. Dia juga mesti benar-benar tahu takat maksimum urusan rumah tangga yang boleh dikongsi seperti melaksanakan perintah Allah SWT. Wanita mesti tahu takat yang kalau dilanggar rumah tangganya akan mengalami kemudaratan. Dia juga mesti tahu takat melaksanakan perintah Allah SWT yang kalau ditinggalkannya akan memudaratkandiri wanita tersebut. Dalam menentukan kedua-dua takat ini wanita mesti jujur terhadap dirinya, keluarganya dan melaksanakan perintah Allah SWT yang dipikulnya. Pertimbangannya juga akan dipengaruhi bantuan dan kerjasama suami.

Perseimbangan antara tanggungjawab melaksanakan perintah Allah SWT dengan urusan rumah tangga amatlah dituntut. Sebagai makhluk ciptaan Allah SWT yang memiliki kesedaran yang mendalam tentang tanggungjawab, wanita mestilah mengatur kehidupannya secara seimbang. Rumah tangga tidak harus diabaikan kerana melaksanakan perintah Allah SWT. Begitu juga sebaliknya melaksanakan perintah Allah SWT tidak harus dikorbankan kerana sibuk melayani suami serta kerehlah anak-anak. Wanita mesti memahami keutamaan bagi setiap perkara, masa dan keadaan. Ketika anak-

anak masih kecil, tumpuan mesti diberikan kepada mereka, didik mereka supaya menjadi pelapis yang bakal meneruskan risalah. Namun pada masa yang sama ukhti tidak boleh meninggalkan medan dakwah sepenuhnya atas alasan mendidik anak. Tindakan ini akan membawa kerugian kepada ukhti dari segi pendedahan, pengalaman dan pahala (Maznah Daud, 2008).

b) Peranan Wanita Sebagai Seorang Ibu

Peranan wanita sebagai ibu kepada anak-anak dalam menjaga dan mendidik merupakan antara fungsi utama yang perlu dimainkan oleh mereka. Menurut Rahimah Abdul Aziz (2003), dalam hampir ke semua budaya menunjukkan bahawa peranan tradisional wanita adalah melibatkan penjagaan dan mendidik anak, memenuhi keperluan suami dan keluarga. Dalam masyarakat kini, pertentangan peranan yang dimainkan oleh para ibu banyak menimbulkan pelbagai masalah di mana kepercayaan tradisional sedang diuji kerana kepelbagaian tugas dan peranan yang perlu dimainkan oleh wanita terutama dalam perkembangan dan kehidupan anak-anak (Nobaya Ahmad & Haslinda Abdullah 2013). Sungguhpun demikian, tuntutan terhadap wanita sebagai seorang ibu masih kekal sebagai tanggungjawab tradisionalnya iaitu sebagai seorang insan yang menguruskan hal ehwal keluarga daripada segenap sudut.

c) Peranan Wanita Sebagai Seorang Isteri

Keutuhan institusi keluarga adalah umpama keutuhan batu-bata yang menampung kekuatan institusi masyarakat. Justeru itu suami dan isteri perlu berusaha mengekalkan persefahaman dan muafakat dalam menjaga hubungan mereka, serta hubungan dengan anak-anak mereka. Pengorbanan si suami, melayan kerenah isteri dan anak-anak, keluar mencari rezeki bagi menampung keperluan keluarga, adalah sesuatu yang tinggi nilainya di sisi agama. Begitu juga pengorbanan isteri memelihara kehormatan diri, mentaati dan menjaga keperluan suami, membesarkan anak-anak, dan memelihara aurat adalah termasuk dalam amalan kebaikan yang disanjung tinggi (Asyraf Hj Ab Rahman, Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail, 2010).

d) Peranan Wanita Sebagai Seorang Anak

Peranan wanita sebagai anak ialah wajib berbuat baik kepada kedua ibu bapanya. Seperti Firman Allah SWT di dalam Surah al-Luqman ayat 14:

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).

Firman Allah SWT di dalam surah Al-Isra' ayat 24:

Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil.

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa seorang anak wajib menyayangi dan peka akan keadaan ibubapa mereka. Selain itu, seorang anak perlu menjaga kebajikan mereka, perhatikan sebarang perubahan fizikal serta emosi mereka, merawat serta memberi layanan terbaik buat mereka serta meningkatkan amal bagi membantu mereka di akhirat kelak. Peranan wanita sebagai seorang anak, wanita mampu membuka pintu jannah buat bapanya. Sebagai seorang isteri, dia menyempurnakan separuh daripada amalan suaminya. Sebagai seorang ibu, syurga itu terletak di bawah telapak kakinya.

e) Peranan Wanita dalam Menyampaikan Dakwah

Peranan dan hak yang telah diselaraskan Islam ialah kegiatan, peranan dan hak wanita dan lelaki dalam melaksanakan dakwah menyampaikan Islam kepada masyarakat. Dakwah merupakan kerjaya paling agung dan mulia. Kerja yang diwariskan Rasulullah SAW kepada seluruh umatnya, tidak kira lelaki atau wanita. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 71:

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Perkara ini jelas membuktikan bahawa tugas dakwah yang mulia, penting lagi berat ini tidak seharusnya dipikul kaum lelaki secara bersendirian. Tugas ini mestilah dikongsi dan dipikul secara bersama oleh lelaki dan wanita. Ini kerana dalam dakwah itu sendiri ada kegiatan yang lebih mengkhusus kepada peranan wanita. Ada yang lebih mengkhusus kepada peranan lelaki dan ada yang dikongsi sama antara peranan lelaki dan wanita. Menyerahkan tugas dakwah kepada kaum lelaki sahaja akan menjadikan perjalanan dakwah itu tempang dan pasti tidak akan dapat mencapai matlamat yang telah dituntut Allah, selain dari ianya bercanggah dengan ketentuan nas-nas syarak. Oleh itu, penjelasan di atas menunjukkan bahawa tidak syak lagi wanita Islam mempunyai peranan istimewa dan amat penting dalam melaksanakan amal dakwah bagi melengkapkan peranan kaum lelaki. Bahkan dalam sesetengah keadaan peranan mereka lebih penting, malah mengatasi peranan lelaki, terutama dalam bidang yang didominasi oleh kaum wanita. Ini kerana kaum wanita mempunyai beberapa keistimewaan tersendiri dari sudut kesediaan, kemampuan, sifat-sifat keperibadian, kejiwaan dan perasaan yang berbeza daripada kaum lelaki (Maznah Daud, 2008).

f) Peranan Wanita Ketika Peperangan dan Jihad

Pada hari ini, kita disempitkan dengan jihad iaitu berperang atau berjuang. Peperangan dari segi makna, peperangan (al qitaal) dengan jihad (al jihad). Al qitaal adalah isim masdar dari kata qaatala – yuqaatilu – qitaalan – muqaatalah. Namun menurut Yusuf al-Qardhawi (2001), peperangan adalah sebahagian konsep daripada jihad yang mana jihad merangkumi jihad harta, jihad kalimah (percakapan), jihad nafsu, dan lain-lain yang antaranya ialah peperangan. Jihad peperangan didefinisikan oleh fuqaha secara syarak ialah memerangi golongan kafir iaitu mencurahkan tenaga dalam memerangi golongan kafir atau bughah. Sebahagian lagi para fuqaha mentafsirkan jihad perang sebagai seruan kepada agama Islam dalam memerangi sesiapa yang tidak menerima seruan Islam. Terdapat juga ulama yang mentakrifkan jihad perang sebagai mengerah tenaga dan kemampuan dalam peperangan pada jalan Allah dengan menggunakan jiwa raga, harta, pendapat, percakapan, memperbanyakkan tentera atau selain itu. Ada ketikanya jihad perang ini difardhukan kepada kaum wanita sama seperti kaum lelaki iaitu jihad da' (musuh menyerang Islam dan menggempur salah satu negara umat Islam untuk menawannya serta melakukan kekerasan terhadap penduduknya). Yusuf al-Qardhawi (2001), mengatakan bahawa dalam bahagian jihad ini dibenarkan bagi seorang anak keluar berjihad tanpa izin kedua-dua ibu bapanya, seorang isteri keluar tanpa izin suaminya, seorang hamba keluar tanpa izin tuannya. Allah SWT menyiapkan wanita sebagai seseorang yang penuh dengan sifat kasih sayang. Hal ini sejajar dengan kudrat wanita untuk mengandung, melahirkan, menyusui, dan menjalani pelbagai bentuk jihad fizikal yang mengutamakan kekuatan untuk menghadapi kesulitan, melindungi, menahan penderitaan dan menolak kekerasan. Namun begitu, hal ini tidak menghalang penglibatan kaum wanita dalam mendukung perjuangan kaum lelaki di medan peperangan dengan segala bentuk bantuan yang dapat dihulurkan, sesuai dengan kudrat dan peranan mereka dalam kehidupan seharian (Najwa Huda, Siti Hazwani & Siti Kamilah. 2015).

g) Peranan Wanita dalam Masyarakat dan Bangsa

Wanita berperanan memberikan saham kepada masyarakat menerusi institusi dan aktiviti tanpa merosakkan nilai dan etika yang ditetapkan syarak. Ia telah dikembangkan menerusi pelbagai usaha dalam ruang lingkup yang seimbang dan difahami dengan sebaiknya oleh wanita Islam. Mereka memberikan komitmen sebagaimana komitmen mereka terhadap amal ibadat yang lain. Wanita hari ini mengikut segala pemikiran dan perilaku yang diimport sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta sehingga akhirnya membawa kepada pelanggaran batas serta sempadan yang telah digariskan Allah SWT dan Rasul SAW.

Lantaran itu wanita Islam memerlukan badan atau institusi kemasyarakatan yang berkaitan dengan aspek-aspek kewanitaan. Melaluinya tenaga mereka dapat disalurkan kepada masyarakat secara tersusun menurut konsep Islam. Saling bertukar pengaman kejayaan di kalangan institusi-institusi wanita Islam juga merupakan satu perkara yang amat diperlukan. Begitu juga tolong menolong secara berterusan bagi memberikan galakan kepada institusi yang baru muncul meneruskan khidmat baktinya (Maznah Daud, 2008).

h) Peranan Wanita dari sudut Politik

Seiring dengan perkembangan zaman, tahap pemodenan dan globalisasi maklumat dan kejayaan pergerakan pembebasan wanita sikap dan peranan wanita mula mengalami perubahan. Wanita tidak lagi berkhidmat sebagai suri rumah yang melakukan peranan pembiakan, menjaga anak dan suami atau pekerjaan rumah tangga lain. Wanita telah aktif dalam banyak bidang kehidupan sosial, ekonomi dan politik. Begitu juga peranan wanita dalam bidang politik telah menjadi fenomena yang tidak kurang menarik dengan fenomena wanita di dunia perniagaan. Wanita tidak lagi memainkan politik tradisional (domestik), di mana mereka bertindak sebagai agen penyebaran politik untuk anak-anak mereka. Mereka mula berperang aktif demi kepentingan awam atau kepentingan kumpulan mereka melalui institusi sosial atau institusi politik. Oleh yang demikian jika diteliti akan peranan yang boleh diberikan oleh wanita dalam membangunkan negara khususnya dari segi politik antaranya ialah wanita itu boleh menjadi penasihat kepada suami mereka. Ini dapat kita lihat jika seseorang wanita itu bersuamikan orang politik maka ianya boleh melibatkan dirinya secara tidak langsung dengan memberi nasihat dari segi keputusan yang telah dibuat atau dilaksanakan oleh suaminya yang mungkin tidak bersesuaian dengan kaum wanita yang mungkin tidak sesuai dengan pembangunan.

i) Peranan Wanita dalam Pendidikan

Wanita memainkan peranan yang penting di dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang pendidikan. Peranan wanita dalam bidang pendidikan boleh dilihat dari dua perspektif, iaitu perspektif barat dan perspektif Islam. Dari perspektif barat, golongan cendekiawan dan ahli-ahli falsafah barat beranggapan bahawa wanita adalah insan yang lemah, kurang dan hina. Oleh yang demikian wanita tidak boleh disama tarafkan dengan kaum lelaki. Pengaruh ahli falsafah yang begitu kuat telah mendorong ahli fikir serta ketua-ketua masyarakat barat pada ketika itu tidak membenarkan anak-anak perempuan diberi pendidikan atau pengajaran di dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Ramai ahli falsafah barat berpendapat bahawa wanita dijadikan hanya untuk berkhidmat kepada kaum lelaki. Oleh itu, usia wanita haruslah dihabiskan untuk membuat segala kerja yang diperlukan di dalam rumah, iaitu melayan dan memenuhi keperluan suami dan anak-anak.

Manakala dari perspektif Islam, Islam telah menyebarkan dasarnya dengan jelas mengenai wanita di dalam segala aspek kehidupan terutamanya di dalam bidang pendidikan. Rasulullah SAW bersabda:

"Mempelajari ilmu itu wajib bagi setiap orang islam, lelaki dan perempuan".

Dasar ini telah ditegaskan sejak kemunculan Islam pada abad ke enam Masihi, dan ianya masih terpakai dan terus menjadi tunjang kepada dasar pengajaran Islam hingga kehari ini. Ini membuktikan bahawa Islam bukan sahaja meletakkan wanita di tempat yang paling wajar sebagai manusia dan sebagai teman hidup bagi seorang lelaki,

tetapi Islam menghargai sifat kehalusan dan ketajaman perasaan wanita yang menjadikan mereka layak untuk memegang tugas sebagai seorang pendidik dibandingkan dengan kaum lelaki. Sebab itulah dari satu aspek, wanita lebih penting diberi pengajaran atau pendidikan yang secukupnya kerana kaum wanita merupakan pendidik atau guru yang paling layak untuk mendidik anak-anak dan anak bangsa mereka. Sesuatu bangsa akan berjaya apabila wanitanya mendapat pendidikan yang lengkap dan tinggi harga diri dan akhlaknya kerana kehalusan sifat wanita serta ketajaman perasaan seseorang ibu boleh memindahkan segala kebaikan yang ada padanya untuk diwarisi oleh anak-anaknya. Menurut seorang ahli falsafah Islam:

"Bila pendidikan telah begitu lengkap bagi wanita, biarlah kaum lelaki tidak begitu dipentingkan pendidikannya, kerana wanita-wanita itulah kelak akan mendidik kaum lelaki".

Peranan wanita dalam bidang pendidikan di Malaysia, boleh dilihat dengan kemunculan maktab-maktab perguruan. Untuk merealisasikan peranan wanita sebagai seorang pendidik, maka sebuah maktab telah ditubuhkan untuk wanita pada tahun 1935 iaitu Maktab Perguruan Perempuan Durian Daun, Melaka. Wanita perlu mendapatkan pendidikan tinggi bagi menjamin keberkesanan peranannya sebagai salah satu daripada tunjang pembangunan negara terutamanya dalam bidang pendidikan. Menurut Nik Safiah Karim (1976), perbezaan antara wanita berilmu dengan wanita terpelajar amat jauh. Wanita terpelajar dapat bertindak dalam apa jua keadaan; kalau orang berbicara A wanita yang terpelajar boleh menyambung kepada B dan terus kepada Z. sebaliknya bagi wanita berilmu, pelajaran hanya menjadi tiket untuk mendapatkan pekerjaan, bukan sebagai kegunaan untuk hidup sempurna".

j) Peranan Wanita dalam Ekonomi

Peranan wanita sebagai isteri, ibu ataupun kakak memainkan peranan penting dalam institusi keluarga. Pekerjaan merupakan titik permulaan bagi menentukan status dan taraf kehidupan seseorang tanpa memilih jantina. Wanita dan kerjaya adalah penting dalam membantu meringankan beban kewangan keluarga. Keperluan keluarga yang begitu besar dan mendesak wanita sebagai isteri membantu suami dengan bekerja untuk memenuhi keperluan harian. Namun begitu, wanita dianggap sebagai mempunyai peranan penting dalam pembangunan sesebuah ekonomi. Faktor-faktor seperti menyara keluarga, kerajinan dan hak telah membawa wanita menyumbang kearah pembangunan ekonomi. Sebagai contoh, penglibatan wanita dalam pembangunan ekonomi mengalami perubahan dan peningkatan dramatik. Wanita tidak lagi bergantung sepenuhnya pada suaminya dalam memenuhi keperluan ekonomi keluarga, wanita mula memikirkan pendapatan peribadinya sebagai satu bentuk penjagaan material bagi keselesaan dalam memenjalani kehidupan seharian.

k) Peranan Wanita sebagai Ketua Isi Rumah

Menurut Ismahalil Ishak (2017), di Malaysia, lazimnya isi rumah atau keluarga diketuai oleh suami dan hanya segelintir dalam masyarakat di mana keluarga diketuai oleh wanita. Di samping itu juga, golongan lelaki merupakan pencari nafkah yang utama dan jarang

sekali di lihat dalam masyarakat Malaysia golongan wanita mengambil alih peranan tersebut daripada golongan lelaki. Keadaan ini turut diperhatikan di Amerika Syarikat. Menurut Harrison (1997), wanita sebagai ketua isi rumah di Amerika Syarikat dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya adalah bercerai dan berpisah. Dalam sejarah Amerika Syarikat, beliau menjelaskan tentang perubahan komposisi ketua isi rumah yang paling ketara adalah sebaik sahaja Perang Dunia Kedua tamat di mana kebanyakan wanita yang kehilangan suami perlu mengendalikan keluarga mereka sebatang kara dalam meneruskan kehidupan membesarkan anak-anak mereka. Namun, dengan keadaan yang semakin membimbangkan, pihak kerajaan ketika itu telah memperkenalkan beberapa dasar dan peraturan yang banyak memberi faedah kepada golongan ibu tunggal dalam membesarkan anak mereka. Dasar yang diperkenalkan memfokuskan kepada aspek ekonomi keluarga dan pendidikan anak (Harrison 1997).

KESIMPULAN

Wanita hari ini kian bergerak maju dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kemahiran pekerjaan kepimpinan dan sebagainya. Keadaan wanita boleh dibanggakan berbanding lebih lima puluh tahun dahulu. Kita harus membetulkan tanggapan masyarakat hari ini yang meletakkan wanita sebagai pihak kedua dalam pembangunan. Ini adalah kerana tuntutan untuk memperkemaskan generasi dan ummah yang akan datang tidak lagi hanya dibebani pada bahu lelaki tetapi sebaliknya memerlukan sokongan dan dokongan wanita. Apabila kita mengatakan wanita itu amat penting dalam masyarakat dan negara ia boleh ditafsirkan sebagai melengkap antara satu sama lain.

Peranan wanita sebagai pengurus rumahtangga telah mengalami perubahan terutamanya dengan bantuan daripada pembantu rumah asing, pengetahuan sains dan teknologi yang telah mencipta pelbagai perkakas rumahtangga untuk memudahkan kerja seharian mereka. Peranan wanita yang dilihat sebagai agen sosialisasi utama dalam keluarga selepas suami kini telah tercabar dengan perubahan nilai dan norma dalam kalangan wanita yang mempunyai pendidikan yang baik dan penglibatan dalam sektor pekerjaan yang mencabar. Dengan kedua-dua faktor utama ini, wanita kini lebih moden dan lebih mengutamakan kehidupan moden yang menuntut mereka perlu mengimbangkan peranan mereka sebagai isteri, ibu dan pekerja. Pertambahan jumlah wanita dalam bidang pekerjaan di Malaysia sama ada di bandar atau luar bandar menuju negara maju memberi impak terhadap kestabilan institusi keluarga dalam melahirkan modal insan yang berkualiti berpaksikan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Hakikatnya, wanita yang bekerja memberi kebaikan dalam kehidupan keluarga, masyarakat dan negara.

Hari ini para wanita moden mempunyai tanggungjawab yang lebih besar terhadap kebajikan suami berbeza dengan masa dahulu. Mereka tidak lagi memegang peranan hanya sebagai tukang masak dan pengasuh kanak-kanak sahaja, malah mereka harus

pada waktu yang sama menjadi penyambut tetamu yang baik, setiausaha yang cekap, pengarah yang tegas dan menteri yang berkaliber dan sebagainya. Namun, akibat perubahan masa di era globalisasi, kemajuan wanita dalam pendidikan dan keperluan negara ke atas tenaga wanita untuk memacu tahap sosio-ekonomi negara seperti negara-negara maju telah mempengaruhi peranan wanita sebagai ibu dan isteri dalam mendidik anak-anak dan mengurus rumah tangga secara sempurna. Sehubungan dengan itu, wanita berkerjaya yang tidak menyeimbangkan antara kerjaya dan rumah tangga meninggalkan kesan terhadap hubungan pasangan suami isteri, pengabaian dalam menunaikan tanggungjawab kepada anak-anak sehingga berlaku peningkatan dalam perceraian, kes jenayah dan keruntuhan akhlak. Kebiasaannya, kaum wanita sering dilihat sebagai jantina yang lemah lalu sering dipergunakan dalam kehidupan bermasyarakat kini. Kita masih belum menyedari bahawa dalam kelembutan wanita itu tersirat satu ketabahan yang ketara untuk mampu menyumbangkan sesuatu buat pembangunan negara kita.

Oleh itu, sekiranya diteliti peranan itu wanita sebagai ibu di dalam sistem kekeluargaan bukanlah semata-mata untuk menjaga makan-minum, kesihatan dan keselesaan hidup anak-anak tetapi juga yang terpenting ialah untuk mendidik, mengasuh dan membimbing. Ini kerana kesan kepada didikan pada anak-anak itu akan memberikan manfaat kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Sesungguhnya watak, keperibadian anak-anak terletak sebahagian besar di atas isi dan cara pendidikan yang diberikan oleh ibu bapa. Akhir sekali adalah peranan wanita sebagai penyumbang pendapatan keluarga. Shah dan Smith (1994) mendapati wanita mempunyai anak kecil dan bilangan anak remaja yang ramai adalah lebih aktif dalam ekonomi untuk meningkatkan pendapatan mereka bagi menampung perbelanjaan keluarga dan memenuhi keperluan harian.

Hari ini para wanita moden mempunyai tanggungjawab yang lebih besar terhadap kebajikan suami berbeza dengan masa dahulu. Mereka tidak lagi memegang peranan hanya sebagai tukang masak dan pengasuh kanak-kanak sahaja, malah mereka harus pada waktu yang sama menjadi penyambut tetamu yang baik, setiausaha yang cekap, pengarah yang tegas dan menteri yang berkaliber dan sebagainya. Sekiranya diteliti peranan itu wanita sebagai ibu di dalam system kekeluargaan bukanlah semata-mata untuk menjaga makan-minum, kesihatan dan keselesaan hidup anak-anak tetapi juga yang terpenting ialah Untuk mendidik, mengasuh dan membimbing. Ini kerana kesan kepada didikan pada anak-anak itu akan memberikan manfaat kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Sesungguhnya watak, keperibadian anak-anak terletak sebahagian besar di atas isi dan cara pendidikan yang diberikan oleh ibu bapa (Ismahalil Ishak, 2017).

RUJUKAN

Abdul Aziz Ismail. 1995. *Tindak Balas Wanita Dalam Rumah Tangga*. Kuala Lumpur: Majujaya Indah Sdn. Bhd.

- Aishah Yusoffea. 2009. *Sukses Dalam Karier Untuk Muslimah Panduan Harian Wanita Berkerjaya*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Al-Syeikh Dr. Faisal Mawlawi. 2011. Trj. *Peranan Muslimat Di Medan Amal Islami*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Ande Masnah Andek Kelawa. 1999. *Kepimpinan Wanita Dalam Islam Kedudukannya Dalam Syariah*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asyraf Hj Ab Rahman, Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail. 2010. Peranan Wanita dalam Pembangunan Keluarga dari Perspektif Fi Zilal AlQuran. *Journal of Governance and Development* 14(6), 14-21.
- Azrina Sobian. 2006. *Wanita Islam dan Bekerja Sendiri*. Petaling Jaya, Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. 1991. *Ayat-ayat Hal Ehwal Wanita dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Maskha Sdn. Bhd.
- Bahtera Alias, Che Zarrina Sa'ari. 2006. *Islam dan Emansipasi Wanita*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Eriksen, S. and N. Gerstel. 2002. A labor of love or labor itself: Care work among adult brothers and sisters. *Journal of Family Issues* 23(7), 836–856.
- Fatimah Muhammad Ali. 1996. *Aduhai wanita Islam, apakah perananmu dalam menempuh cabaran keduniaan*. Kuala Lumpur: Era Ilmu Sdn. Bhd.
- Haron Din. 1985. *Manusia dan Islam*. Selangor: Hizbi Sdn.Bhd.
- Ismahalil Ishak. 2017. *Peranan Wanita Dalam Institusi Keluarga*.
- Kamus al-Jadid-Arab Melayu. 1993. Kuala Lumpur : Penerbitan Seri Kota.
- Kamus Dewan Edisi Baru. 1993. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mashitah Ibrahim. 1999. *Wanita dan Pembentukan Keluarga Bahagia*. Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Maznah Daud. 2008. *Peranan Dan Hak Wanita Dalam Dakwah*.
- Morteza Mutahhari. 1986. *Wanita dan Hak-haknya Dalam Islam*. Bandung, Indonesia: Perpustakaan Salman Institut Teknologi Bandung.
- Mucjam al-Wasīt. 1978. Juz 1. Kaherah: T.P Appadorai
- Muhaimin. 2004. *Paradigma Pendidikan Islam*. Bandung: Remaja Rosdakarya.

- Mustafa Sibai. 1988. *Wanita Menurut Syariat Islam dan Peradaban Moden*. Selangor: Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.
- Najwa Huda, Siti Hazwani & Siti Kamilah. 2015. *Peranan Wanita Dalam Peperangan Islam*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Natacha David. 1998. *International Women's Day: Women in the Economic*. El Publication.
- Nik Safiah Karim. 1990. *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: K Publishing & distribution.
- Noraziah Ali, Juwairiah Dakir. 2008. *Isu-isu Wanita di Malaysia*. Batu Caves, Selangor: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Norehan Ahmad Rahim. 2008. Masalah wanita bekerjaya lambat berkahwin dan penyelesaiannya dari sudut Islam: Kajian kes di Kementerian Pelajaran Malaysia Putrajaya, Disertasi Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Peranan Wanita Dalam Pembangunan. Sejauhmana Mereka Diperlukan Dalam Pembangunan Sesebuah Negara Hari Ini. Kertas Kerja Seminar Pembangunan & Isu-Isu Global (Mtp 3012).
- Sa'adiah Hassan, Endang ErwaniMd. Dom. 1997. *Martabat Wanita Dan Tuntutan Abad ke-21*. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda.
- Shah N. M. dan Smith, Peter C. 1994. 'Migrant Women at Work in Asia', dalam Fawcett, James T. Siew-Ean Khoo dan Smith, Peter C. (Editor), *Women in the Cities of Asia: Migration and Urban Adaption*. Colorado. A: Westview Press.
- Suriati Ghazali. 2002. *"Di Mana Mak, Ayah? Agihan Tugas Baru Kesan Baru Pemodenan dan Perindustrian"*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Yusuf al-Qaradawi. 2001. *Fi Fiqh Al-Aqalliyat Al-Muslimah Hayat Al-Muslimin Wasat Al-Mujtama'at Al-Ukhra*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Yusuf al-Qaradawi. 2000. *Fi Fiqh Al-Awlawiyat: Dirasah Jadidah Fi Daudi Al-Quran Wa Al-Sunnah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Siti Nur Husna Abd Rahman¹, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim² & Muhammad Adnan Pitchan³

¹Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor
E-mel: p87048@siswa.ukm.edu.my

²Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor
E-mel: izhar@ukm.edu.my

³Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor
E-mel: adnan86@ukm.edu.my